

**SOALAN LAZIM PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 2015**  
**IMBUHAN TETAP PERUMAHAN BAGI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Kenaikan kadar ITP <sup>[1]</sup> berdasarkan PP Bil. 8/2015 <sup>[2]</sup> hanya melibatkan gred 41/42 dan ke bawah sahaja. Adakah pemberian 25% ITP kepada pegawai yang diperuntukkan kuarters juga hanya melibatkan gred 41/42 dan ke bawah sahaja?	Pemberian ITP kepada pegawai yang menduduki kuarters pada kadar 25% daripada kelayakan ITP pegawai mengikut penetapan PP Bil. 8/2015 adalah <b>merangkumi semua pegawai</b> Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam Kumpulan Pelaksana (Gred 11 hingga 40), Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 hingga 54) dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi (JUSA hingga TURUS).
2.	Pegawai yang bertukar wilayah dan mendiami kuarters adakah layak dibayar 25% ITP?	Pemberian 25% ITP juga <b>terpakai kepada semua pegawai</b> dalam Kumpulan Pelaksana (Gred 11 hingga 40), Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 hingga 54) dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi (JUSA hingga TURUS) yang <b>bertukar wilayah dan menduduksi kuarters</b> berdasarkan perenggan 5, PP Bil. 8/2015. Kerajaan telah menetapkan bahawa semua pegawai awam yang menduduki kuarters layak mendapat ITP pada kadar <b>25% daripada kelayakan ITP pegawai</b> . Ini meliputi pegawai-pegawai yang bertukar wilayah.
3.	Adakah pegawai bertukar wilayah yang sebelum ini memilih EPW kerana kadarnya lebih tinggi boleh menukar untuk memilih ITP?	Perenggan 6.2, PP Bil. 11/2001 <sup>[4]</sup> menyatakan pegawai yang tidak menduduki rumah kerajaan boleh memilih ITP atau EPW. Pilihan sama ada menerima ITP atau EPW kepada pegawai yang bertukar wilayah hanya diberikan apabila pegawai bertukar wilayah sahaja.
4.	Pasangan pegawai yang kedua-duanya berasal dari Semenanjung ditugaskan ke Sabah. Walau bagaimanapun, suami ditempatkan di Sandakan manakala isteri ditempatkan di Kota Kinabalu dan kedua-dua pegawai diperuntukkan kuarters (Rumah Biasa Kerajaan) di	Berdasarkan perenggan 7, PP Bil. 8/2015, pegawai yang diperuntukkan kuarters, layak menerima bayaran ITP pada kadar 25% daripada kelayakan ITP pegawai. Dalam hal ini, <b>kedua-dua pegawai layak menerima bayaran ITP pada kadar 25% daripada kadar ITP</b> masing-masing.

**SOALAN LAZIM PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 2015**  
**IMBUHAN TETAP PERUMAHAN BAGI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	tempat bertugas masing-masing. Adakah pegawai layak dibayar 25% ITP?	
5.	Pasangan pegawai yang kedua-duanya berasal dari Semenanjung ditugaskan ke Sabah. Walau bagaimanapun, suami ditempatkan di Sandakan manakala isteri ditempatkan di Kota Kinabalu. Hanya seorang sahaja yang diperuntukkan kuarters (Rumah Biasa Kerajaan). Adakah pegawai layak dibayar 25% ITP?	Berdasarkan perenggan 7, PP Bil. 8/2015, pegawai yang diperuntukkan kuarters, layak menerima bayaran ITP pada kadar 25% daripada kelayakan ITP pegawai. Manakala berdasarkan perenggan 8, PP Bil. 8/2015, pegawai yang tidak diperuntukkan kuarters, layak untuk menerima bayaran <b>ITP atau EPW</b> mengikut perbekalan perenggan 6.2, PP Bil. 11/2001.
6.	Pegawai yang tinggal di asrama [ITP dan BSH <sup>[5]</sup> (50%) dipotong]. Adakah pegawai layak dibayar 25% ITP seperti dalam PP Bil. 8/2015?	Seorang pegawai yang disediakan tempat penginapan/asrama dan tinggal sepenuh masa serta <b>dianggap sebagai kuarters (tidak dibayar ITP)</b> , layak <b>menerima ITP pada kadar 25% daripada kelayakan ITP pegawai</b> .
7.	Pegawai yang mendiami Rumah Khas Jabatan/Jawatan adakah layak dibayar 25% ITP?	Pegawai yang mendiami Rumah Khas Jabatan/Jawatan <b>tidak layak dibayar 25% ITP</b> selaras dengan perenggan 6, PP Bil. 8/2015.
8.	Adakah pegawai yang menerima BPK <sup>[6]</sup> akan diselaraskan kadarnya mengikut PP Bil. 8/2015?	Pegawai yang menduduki Rumah Khas Jabatan turut menikmati kadar baharu ITP di bawah PP Bil. 8/2015 mengikut gred jawatan pegawai. Walau bagaimanapun, <b>peratusan pemberian BPK daripada kadar ITP masih kekal seperti ditetapkan di perenggan 3, PP Bil. 11/2002<sup>[7]</sup></b> .

**SOALAN LAZIM PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 2015**  
**IMBUHAN TETAP PERUMAHAN BAGI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
9.	Apakah kadar ITP bagi pegawai yang sedang bercuti tanpa gaji?	Pegawai yang sedang bercuti tanpa gaji <b>tidak layak diberi ITP</b> sepanjang tempoh cuti tanpa gaji selaras dengan perenggan 5.3(a), SPP Bil. 4/2009 <sup>[8]</sup> .
10.	Apakah kadar ITP bagi pegawai yang sedang Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP)?	Kadar ITP yang layak diberikan kepada pegawai yang sedang CBBP adalah pada <b>kadar penuh</b> selaras dengan perenggan 5.1(b), SPP Bil. 4/2009.
11.	Adakah PP Bil. 8/2015 terpakai kepada pegawai lantikan sementara, <i>Contract Of Service</i> dan <i>Contract For Service</i> ?	Semua pegawai lantikan tetap, sementara dan <i>Contract Of Service</i> adalah tertakluk kepada PP Bil. 8/2015 <b>kecuali pegawai lantikan <i>Contract For Service</i></b> .  Terma dan syarat perkhidmatan serta jumlah pendapatan bagi pegawai lantikan <i>Contract For Service</i> adalah berbeza dengan penjawat awam dan tidak tertakluk atau ditadbir mengikut PP Bil. 8/2015.
12.	Adakah PP Bil. 8/2015 ini berkuat kuasa kepada pegawai yang masih kekal dalam SSB <sup>[9]</sup> dan Skim Perkhidmatan JKK 1976 <sup>[10]</sup> ?	PP Bil. 8/2015 adalah berkuat kuasa kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan <b>termasuk pegawai yang masih kekal dalam SSB dan Skim Perkhidmatan JKK 1976</b> .

# **SOALAN LAZIM PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 2015**

## **IMBUHAN TETAP PERUMAHAN BAGI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN**

**\*Nota:**

- [1] - Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)
- [2] - Pekeling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2015 - Imbuhan Tetap Perumahan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan (PP Bil. 8/2015)
- [3] - Elaun Perumahan Wilayah (EPW)
- [4] - Pekeling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2001 - Elaun Perumahan Wilayah Bagi Pegawai Yang Bertukar Wilayah) (PP Bil. 11/2001)
- [5] - Bantuan Sara Hidup (BSH)/(COLA)
- [6] - Bayaran Perumahan Khas (BPK)
- [7] - Pekeling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2002 - Bayaran Perumahan Khas (PP Bil. 11/2002)
- [8] - Surat Pekeling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2009 - Kesan Ke Atas Perkhidmatan Bagi Pegawai Yang Diluluskan Cuti Bergaji Penuh, Cuti Separuh Gaji Dan Cuti Tanpa Gaji (SPP Bil. 4/2009)
- [9] - Sistem Saraan Baru (SSB)
- [10] - Skim Perkhidmatan Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976)